

Literasi abad 21 Bahagian 3/6



Dr. Ali Qassem
www.aliqassem.com

Era kini adalah era yang penuh dengan maklumat. Untuk berjaya di abad ini, seseorang perlu memiliki literasi abad 21; perlu menjadi seorang perekacipta, seorang yang petah berkomunikasi dan mempunyai produktiviti tinggi. Kita perlukan Literasi Maklumat.

Kita semua bersetuju sebulat suara bahawa apa-apa maklumat yang kita kehendaki boleh diperolehi dengan mudah sekali.

Internet dipenuhi dengan maklumat yang tiada penghujungnya. Kecanggihan teknologi yang mudah didapati dalam dunia internet membolehkan kita semua memperolehi pelbagai jenis maklumat atau pengetahuan.

Namun, maklumat atau pengetahuan ini adalah sia-sia sahaja sekiranya kita tidak mempunyai kemahiran untuk

mengakses, memahami, menganalisis, menyusun dan mengaplikasikan dalam amalan-amalan secara berkesan. Inilah yang dikenali sebagai Literasi Maklumat.

Literasi maklumat, menurut *Cyclopedic Education Dictionary* dan sumber lain, adalah keupayaan untuk menilai maklumat dalam pelbagai media. Ia juga adalah keupayaan untuk mengenalpasti jenis maklumat yang diperlukan, memahami bagaimana maklumat itu disusun, mengenalpasti sumber maklumat yang paling sesuai mengikut keperluan, menilai, membuat sintesis, gunakan dan kongsi maklumat tersebut dengan efektif.

Literasi maklumat adalah kunci utama pembelajaran sepanjang hayat. *American Library Association Presidential Committee on Information Literacy* menyatakan, "Sememangnya, orang-orang yang literasi maklumat adalah mereka yang telah mempelajari cara untuk belajar. Mereka tahu bagaimana untuk belajar kerana mereka tahu bagaimana maklumat disusun, bagaimana untuk mencari maklumat dan bagaimana untuk menggunakan maklumat dalam apa jua cara di mana yang lain boleh belajar daripada mereka. Mereka adalah orang yang bersedia untuk pembelajaran sepanjang hayat, kerana mereka sentiasa boleh mencari maklumat yang diperlukan untuk apa-apa tugas atau membuat kata putus."

Menjadi literasi maklumat adalah amat penting kerana kita tidak bergantung kepada perpustakaan semata-mata untuk mendapatkan maklumat, di mana satu masa dahulu semua maklumat itu hanya terkandung dalam satu sumber; buku. Hari ini, kita terdedah kepada

maklumat dari semua jenis dan format. Tidak semua maklumat yang ada adalah tepat dan boleh dipercayai. Terdapat juga maklumat yang tidak masuk akal, tidak tepat, ketinggalan zaman, mengelirukan, dan palsu.

Oleh kerana adanya maklumat dari pelbagai sumber di seluruh dunia, keupayaan untuk mengenal pasti sumber-sumber maklumat yang diperlukan, mencari sumber-sumber itu, menilai mereka, membuat sintesis, dan menggunakan maklumat dengan berkesan adalah sangat mustahak.

Menurut kebanyakan pakar-pakar pendidikan dan pihak berkuasa, literasi maklumat memerlukan kemahiran tertentu sebelum mengakses maklumat, semasa mengakses maklumat dan selepas maklumat diambil.

Sebelum mengakses maklumat, perlu menentukan apa maklumat yang diketahui dan apa yang diperlukan untuk menyelesaikan masalah, mengenal pasti sumber-sumber maklumat yang berbeza - termasuk teks, orang, video, audio, dan pangkalan data, dan keutamaan sumber-sumber berdasarkan kredibiliti dan kesesuaian.

Apabila mengakses maklumat, perlu mengenal pasti dan mendapatkan maklumat yang berkaitan dari sumber-sumber; menggunakan teknologi untuk meningkatkan pencarian; mengkaji semula strategi pengumpulan maklumat yang terbukti tidak berkesan; memahami bagaimana maklumat yang diperolehi dapat menangani masalah asal; dan menilai maklumat dari segi kredibiliti serta isu-isu sosial, ekonomi, politik, perundangan, dan etika yang mungkin memberi kesan semasa

menggunakan teknologi untuk memudahkan penilaian.

Selepas maklumat diambil, maklumat tersebut harus dapat digunapakai untuk mencapai tujuan tertentu; menyampaikan maklumat itu dengan jelas dengan menggunakan pelbagai peralatan teknologi dan media; dan menilai proses dan hasil tersebut dari aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

Bersambung...